

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
(Ditubuhkan di bawah Akta LPP 1973)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017(SAMB.)

27. PIHAK-PIHAK BERKAITAN

27.1. Identiti pihak-pihak berkaitan

Bagi tujuan penyata kewangan ini, Institut Pengurusan Peladang (IPP) adalah berkait dengan Lembaga dan menjalankan fungsi sebagai pusat latihan kepada semua anggota dan ahli-ahli Peladang.

27.2. Ganjaran kepada Lembaga Pengarah

	2017	2016
	RM	RM
Elaun tetap dan elaun lain ahli lembaga pengarah	<u>538,613</u>	<u>384,058</u>

Lembaga menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Lembaga, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada sembilan (9) orang ahli lembaga pengarah.

28. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen di luar penyata kedudukan kewangan. Nilai saksama adalah jumlah di mana aset kewangan boleh ditukarkan atau liabiliti kewangan diselesaikan antara pihak-pihak yang berpengetahuan dalam urusan niaga telus. Maklumat yang dibentangkan di sini merupakan anggaran nilai saksama pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Harga pasaran tercatat dan boleh diperhatikan digunakan sebagai asas pengukur nilai saksama. Jika harga pasaran dan boleh diperhatikan tidak dapat diperolehi, nilai saksama dianggarkan berdasarkan kaedah dan andaian berkaitan dengan ciri-ciri instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam andaian boleh memberi kesan yang ketara terhadap anggaran dan anggaran nilai saksama yang terhasil.

Jadual di bawah adalah ringkasan nilai dibawa dan nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan Lembaga pada tarikh penyata kedudukan kewangan :

2017	Nilai bawaan	Nilai saksama
Aset kewangan	RM	RM
Wang Tunai dan Baki di Bank	67,318,362	67,318,362
Penghutang	370,078	370,078
Keuntungan dan Faedah terakru	1,777,919	1,777,919
Pembiayaan Pinjaman	29,592,692	29,592,692
Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen	301,757,973	301,757,973
Liabiliti kewangan		
Pemiutang	12,118,129	12,118,129

Nilai saksama pembiayaan dianggarkan dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai hadapan menggunakan kadar faedah efektif bagi pembiayaan yang mempunyai risiko kredit dan tempoh matang yang serupa.